

FAQ – RAYUAN HAJI

No	Soalan dan Jawapan
1.	<p>Apakah pendeposit <i>TH</i> boleh membuat rayuan haji?</p> <p>Ya, pendeposit <i>TH</i> yang sudah mendaftar haji dan masih menunggu giliran mereka sampai, boleh membuat rayuan haji.</p>
2.	<p>Adakah semua rayuan akan diproses/dinilai?</p> <p>Semua rayuan yang diterima akan diberi pertimbangan sewajarnya sebelum sebarang keputusan dibuat.</p>
3.	<p>Apakah kriteria penilaian bagi rayuan haji?</p> <p>Keutamaan pemilihan akan diberi kepada mereka yang membuat rayuan mahram, lanjut usia serta pembantu lanjut usia dan mereka yang telah terpilih pada tahun sebelum ini namun terpaksa menanggung pemergian haji.</p> <p>Pertimbangan juga diberi kepada mereka yang giliran menunaikan haji adalah pada tahun berikutnya (Contoh: Tahun semasa ialah 1441H/2020M, manakala tahun giliran tunai haji ialah tahun berikutnya 1442H/2021M).</p>
4.	<p>Benarkah <i>TH</i> memperkenalkan borang rayuan haji?</p> <p>Ya, benar. <i>TH</i> telah memperkenalkan borang rayuan haji bermula Musim Haji 1441H/2020M ini, yang dikeluarkan mulai 28 Januari 2020.</p>
5.	<p>Adakah semua yang membuat rayuan perlu mengisi borang rayuan haji ini?</p> <p>Semua mereka yang membuat rayuan haji dinasihatkan mengisi borang rayuan haji yang boleh diperoleh di semua kaunter <i>TH</i> atau boleh dimuat turun menerusi link https://tabunghaji.gov.my/ms/bantuan-haji-rayuan-haji</p>
6.	<p>Bagaimana jika saya telah pun menghantar surat rayuan haji sebelum ini? Perlukah saya mengisi borang ini sekarang?</p> <p>Surat rayuan haji yang telah diterima dan diserahkan kepada <i>TH</i> sebelum ini akan tetap diproses dan dipertimbangkan dalam proses pemilihan Jemaah haji bagi Musim Haji 1441H/2020M.</p> <p>Namun, adalah digalakkan agar perayu dapat mengisi borang rayuan haji untuk membantu proses pemilihan tersebut.</p>

7.	<p>Mengapa <i>TH</i> memperkenalkan borang rayuan haji ini sekarang?</p> <p>Borang rayuan ini adalah salah satu usaha penambahbaikan <i>TH</i> kerana ia lebih seragam dan dapat mempertingkatkan proses rayuan haji bagi jemaah haji yang ingin menunaikan haji.</p>
8.	<p>Apakah <i>TH</i> akan menaikkan jumlah bayaran haji bagi mereka yang membuat rayuan haji?</p> <p>Bayaran haji bagi Jemaah haji kali pertama menunaikan haji dan mereka yang berjaya dalam rayuan haji masih kekal pada RM9,980 seperti tahun-tahun sebelum ini.</p> <p>Namun demikian, seperti mana bakal haji yang Terpilih tahun semasa, bagi kes rayuan yang berjaya mereka juga boleh secara sukarela memilih untuk membayar kos haji penuh sebanyak RM22,900 untuk tunai haji secara Muassasah dengan menyatakan pilihan tersebut dalam borang rayuan haji masing-masing.</p>
9.	<p>Bagaimana jika saya memilih untuk membayar RM9,980? Adakah rayuan haji saya dibatalkan?</p> <p>Tidak. Rayuan haji yang telah diluluskan tidak akan dibatalkan jika perayu memilih untuk membayar RM9,980.</p> <p>Sama seperti tahun-tahun sebelum ini, <i>TH</i> telah pun memberi pilihan kepada Jemaah Haji Muassasah untuk membayar kos haji penuh. Dan jika mereka tidak memilih untuk membayar penuh, bayaran haji kekal pada RM9,980.</p>
10.	<p>Di manakah saya perlu serahkan borang rayuan haji yang telah diisi?</p> <p>Borang yang telah dilengkapkan boleh diserahkan sendiri atau menerusi wakil ke mana-mana pejabat cawangan <i>TH</i>.</p>
11.	<p>Berapakah bayaran haji bagi Jemaah haji kali kedua yang terpilih untuk pergi menunaikan haji?</p> <p>Seperti tahun-tahun sebelum ini, Jemaah haji kali kedua yang terpilih menunaikan haji akan membayar kos haji penuh sebanyak RM22,900.</p>
12.	<p>Saya ada terbaca informasi yang viral di media sosial bahawa bayaran haji bagi rayuan haji adalah pada kos haji penuh? Benar kah?</p> <p>Tidak benar. Rayuan haji yang berjaya diberikan pilihan secara sukarela untuk memilih samada membayar penuh atau RM9,980 seperti tahun-tahun sebelum ini.</p>

13.	<p>Jika perayu adalah suami isteri, adakah setiap seorang perlu mengisi satu borang atau boleh diisi secara bersama?</p> <p>Perayu perlu mengisi borang rayuan setiap seorang walaupun perayu merupakan suami isteri. Permohonan rayuan haji boleh dihantar secara bersama dan diserahkan sendiri atau menerusi wakil ke mana-mana pejabat atau cawangan TH.</p>
14.	<p>Bilakah tarikh akhir borang rayuan ini perlu dihantar ke mana-mana pejabat atau cawangan TH?</p> <p>Tiada tarikh akhir serahan borang rayuan haji. Perayu dinasihatkan untuk mengisi borang permohonan rayuan haji dan menyerahkan sendiri atau menerusi wakil ke mana-mana pejabat atau cawangan TH dalam waktu terdekat ini.</p>
15.	<p>Jika saya bercadang untuk menunaikan haji secara pakej, adakah saya perlu isi borang rayuan ini?</p> <p>Ya, perlu mengisi borang rayuan haji juga.</p>
16.	<p>Adakah peluang untuk rayuan saya bergantung kepada kesudian saya untuk membayar kos haji penuh atau sebaliknya?</p> <p>Tidak. Keutamaan pemilihan akan diberi kepada mereka yang membuat rayuan mahram, lanjut usia serta pembantu lanjut usia dan mereka yang telah terpilih pada tahun sebelum ini namun terpaksa menangguh pemergian haji.</p> <p>Pertimbangan juga diberi kepada mereka yang giliran menunaikan haji adalah pada tahun berikutnya (Contoh: Tahun semasa ialah 1441H/2020M, manakala tahun giliran tunai haji ialah tahun berikutnya 1442H/2021M).</p>